

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1992/93

Oktober/November 1992

HMP 203 Sosiologi Bahasa (Penerapan Kepada  
Bahasa Malaysia)

---

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DALAM TIGA [3] MUKA SURAT.

Jawab EMPAT [4] soalan. SOALAN NO. 1 (a) dan (b) MESTI dijawab dan pilih mana-mana TIGA [3] soalan yang lain.

Tulis nombor 1 hingga 6 secara berurutan di muka hadapan buku jawapan anda, sama ada soalan tersebut dijawab atau tidak. Beri tanda pangkah di hadapan nombor soalan yang tidak dijawab.

Jawapan mesti ringkas tetapi padat dan tepat. Tulisan anda hendaklah mudah difahami dan penggunaan Bahasa Melayu Tinggi diutamakan.

1. Soalan 1 (a) dan (b) berdasarkan Jadual 1 yang berikut:

JADUAL 1

Penutur Bahasa Di Dalam Sistem Ekologi Bahasa  
INDIVIDU : KUMPULAN : MASYARAKAT : NEGARA

Sumber: Haarmann, (1985:4)

- (a) Merujuk kepada Jadual 1 huraiakan setiap komponen di dalam Sistem Ekologi Bahasa ini. Kaitkan huraihan anda dengan takrif mikro- dan makrososiolinguistik.

(10 markah)

- (b) Kajian makrososiolinguistik (atau sosiologi bahasa) biasanya memberi tumpuan kepada analisis masyarakat di dalam Sistem Ekologi Bahasa di atas. Berdasarkan pembahagian makrososiolinguistik yang dicadangkan oleh Fishman (1969) dan telah dibincangkan oleh Madeleine Mathiot, sebut dan huraikan di antara kajian makrososiolinguistik yang mungkin boleh dijalankan di dalam masyarakat bahasa di Malaysia.

(30 markah)

2. Jelaskan takrif situasi bahasa dan kaitkan pengertian situasi bahasa ini dengan situasi kepelbagaiannya bahasa di Malaysia dengan tidak melupakan aspek-aspek profil sosiolinguistik (Ferguson, 1971) bahasa-bahasa yang dimaksudkan.

(20 markah)

3. Dalam mengkaji 'sosiologi pemilihan bahasa' Ferguson (1959) dan Fishman (1972) mengesyorkan supaya digunakan konsep diglosia. Dengan menerapkannya kepada sosiologi pemilihan bahasa di Malaysia,

- (a) Berikan takrif diglosia sebagaimana yang dimaksudkan oleh Ferguson dan Fishman.

(6 markah)

- (b) Nyatakan hubungan diglosia di antara kelainan-kelainan bahasa yang diberikan oleh Ferguson.

(7 markah)

- (c) Huraikan empat cara membezakan penyebaran bahasa di kalangan individu dan masyarakat yang diberikan oleh Fishman, iaitu: dwibahasa dan diglosia, diglosia tanpa dwibahasa, dwibahasa tanpa diglosia dan bukan dwibahasa dan bukan diglosia.

(7 markah)

4. Huraikan bagaimana faktor struktural dan bukan struktural (faktor sosiolinguistik) boleh menggalakkan atau menghalang peminjaman di dalam bahasa, khususnya fenomenon peminjaman di dalam Bahasa Melayu.

(20 markah)

5. Menurut Dell Hymes (1968), tanpa rumus penggunaan; rumus tatabahasa mungkin tidak berguna. Pada fikiran anda apakah rumus-rumus penggunaan yang dimaksudkan oleh Hymes? Hubungkan jawapan anda dengan konteks sosiobudaya masyarakat Melayu.

(20 markah)

6. Seseorang guru bahasa sepatutnya memaklumi perihal pentingnya maklumat-maklumat sosiolinguistik di dalam pengajaran bahasa. Apakah yang dimaksudkan dengan maklumat-maklumat sosiolinguistik ini dan bagaimanakah anda menggunakan maklumat-maklumat ini di dalam pengajaran bahasa, khususnya pengajaran Bahasa Melayu.

(20 markah)

-ooooOOOooo-